



# Kandungan

- 03 Kata alu-aluan daripada Sara
- 04 Perayaan musim bunga di seluruh dunia
- 09 Seni lukis & pertukangan musim bunga
- 10 Apakah kupu-kupu?
- 11 Kitaran hidup kupu-kupu
- 12 Cari perbezaan
- 14 Aktiviti kupu-kupu
- 15 Fakta menarik tentang kupu-kupu
- 16 Mengapa kupu-kupu penting?
- 17 Ancaman terhadap kupu-kupu
- 20 Peti masuk @ smales
- 23 Conteng-conteng
- 24 Komik

Hai småles!

Selamat tinggal Musim Sejuk, selamat datang Musim Bunga! Sudah tiba masanya untuk musim hujan berlalu dan kembali menjalani kehidupan dengan penuh keceriaan. Sara dan Bugbug sedang berseronok dengan rakan-rakan hutan mereka di Småland, menjelajahi tempat baharu untuk menikmati perkelahan mereka dan meraikan perayaan musim bunga bersama-sama.

Pernah terfikir bagaimana musim bunga disambut di seluruh dunia? Begitu juga Sara dan Bugbug, ketahui tentang semua perayaan musim bunga yang disambut di seluruh dunia dari halaman 4 hingga 7.

Dengan sinaran matahari dan suhu yang meningkat, bunga-bunga yang berkembang menarik satu spesies terbang yang indah sepanjang masa. Bolehkah adik-adik meneka apakah itu? Ya, betul adik-adik! Kupu-kupu! Mari kita kaji tentangnya dan kehidupannya pada muka surat 10.

Kami harap adik-adik mempunyai permulaan yang baik bagi tahun ini dan bersama-sama kita akan mempelajari dan meneroka tentang musim bunga dan kupu-kupu untuk mengembangkan lagi minda kita yang hebat.

Dengan pelukan Big Bug,  
Sara



# Perayaan musim bunga di seluruh dunia

## Tahun Baru Cina, di mana sahaja di seluruh dunia

Tahun Baru Cina disambut sebagai tanda permulaan tahun baru pada kalendar tradisional Cina. Perayaan ini biasanya disebut sebagai Perayaan Musim Bunga dan disambut pada bulan Januari atau Februari setiap tahun.

Kebanyakan negara di seluruh dunia merayakan Tahun Baru Cina menurut kalendar Cina dan tidak berdasarkan kalendar Gregorian yang bermula pada 1 Januari.

Tarikh penting dalam kalendar Cina ini telah dirayakan selama berabad-abad. Semasa perayaan ini nenek moyang diberi penghormatan dan upacara tradisi diadakan di mana orang ramai berkumpul bersama-sama dan menyambut Tahun Baru Cina dengan adat-adat yang membawa nasib baik, bertuah, kekayaan, kemakmuran dan kebahagiaan.

Di kebanyakan negara, perayaan Tahun Baru Cina berlangsung sehingga 15 hari lamanya. Tahun baru sering disambut dengan tarian naga, tarian singa, bertukar-tukar hadiah dan bunga api. Ia biasanya berakhir dengan perayaan tanglung pada hari ke-15 bulan pertama kalendar.

Perayaan musim bunga ialah masa untuk bersuka ria yang disambut meriah di seluruh dunia. Antara perayaan musim bunga yang disambut ialah Tahun Baru Cina, Songkran, Holi dan lain-lain. Mari bersama-sama menjelajah untuk mengetahui lebih lanjut tentang perayaan-perayaan ini.

## Perayaan Holi, India dan Nepal



Umumnya dikenali sebagai perayaan warna, Holi ialah tradisi Hindu di India dan Nepal yang merayakan penghujung hari-hari musim sejuk yang suram. Perayaan ini begitu suci sehingga pasar dan perniagaan setempat dijangka ditutup sebagai menghormati perayaan ini.



Pada bulan purnama pertama bulan Mac, unggun api dinyalakan bagi meraikan kegembiraan atas balasan kebaikan terhadap kejahanatan, dan kemudian abu suci disapukan pada dahi mereka bagi melindungi diri mereka daripada kejahanatan. Keesokan paginya, Holi bermula. Seluruh kejiraninan datang berkumpul beramai-ramai dan menyimbah air berwarna dan membaling serbuk berwarna-warni sebagai tanda menyambut perayaan.

## Hari Baba Marta, Bulgaria



Hari Baba Marta, yang bermaksud "Hari Nenek Mac", diraikan sebagai tanda bermulanya musim bunga pada 1 Mac. Menurut cerita rakyat, "Nenek Mac" ialah seorang wanita tua yang sentiasa berkerut dahi pada kedua-dua abangnya; tetapi apabila dia tersenyum, matahari pun muncul.



Walaupun terdapat versi cerita yang berbeza-beza, kini kebanyakan orang Bulgaria memakai perhiasan martenitsa kecil yang diperbuat daripada benang putih dan merah bagi melambangkan harapan mereka agar diberikan kesihatan yang baik dan kedatangan musim bunga. Orang Bulgaria memakai martenitsa sehingga akhir bulan, ketika mula menunjukkan tanda-tanda bermulanya musim bunga. Ramai yang kemudian mengikat martenitsas mereka pada pokok buah-buahan agar peroleh nasib yang baik.

## Perayaan Songkran, Negara Thai



Perayaan Songkran yang diraikan bersempena dengan Tahun Baru Thailand, diadakan setiap tahun dari 13 April sehingga 15 April, selama tiga hari. Inilah masanya untuk menyucikan diri, merenung kembali, dan menghormati jiran, keluarga, serta orang tua.

Semasa perayaan ini berlangsung, orang ramai membawa makanan kepada sami setempat dan memandikan patung Buddha di dalam air. Sementara generasi muda pula menuangkan air wangi ke atas tangan orang tua-tua mereka untuk memperoleh tuah dan kesejahteraan. Selama bertahun-tahun, tradisi ini telah berkembang merangkumi pertarungan air besar-besaran dengan belon air dan hos perendam super.



## Las Fallas, Sepanyol



Las Fallas ialah tradisi yang menghormati Santo Joseph di wilayah Valencia, Sepanyol. Perayaan ini secara rasmi bermula pada 1 Mac dengan masclètà (pertunjukan bunga api yang meriah) yang berlaku pada setiap petang sehingga 19 Mac.

Pada minggu terakhir perayaan, muzik memenuhi jalanan, para peserta memakai pakaian tradisional, dan berpesta di jalanan sehingga matahari terbit. Sebagai persiapan, setiap kejiranan menghabiskan berbulan-bulan untuk membuat patung raksasa papier-mâché untuk diarakkan di sekeliling bandar.



## Bloemencorso Bollenstreek, Negeri Belanda



Dikenali sebagai salah satu daripada perarakan bunga terbesar di dunia, Bollenstreek di Negeri Belanda meraikan kedatangan musim bunga dengan bunga-bungaan serta gubahan bunga yang paling indah yang ada. Kereta berhias yang direka bentuk secara kreatif dipenuhi dengan narsis, hyacinth, bunga tulip dan pelbagai bunga-bungaan yang mewakili tema yang berbeza-beza pada setiap tahun.



Bloemencorso Bollenstreek diadakan setiap tahun pada hari Sabtu ketiga bulan April dengan perbarisan melintasi lapan bandar yang berlainan sejauh 40 kilometer. Kira-kira 50 kereta berhias bunga bertolak dari kota Noordwijk dengan pancaragam perbarisan yang meriah yang menaikkan semangat semasa perarakan.

## Hanami, Jepun



Dikenali juga sebagai Perayaan Bunga Sakura, Hanami ialah tradisi Jepun untuk menyambut musim bunga dan menghargai keindahan sakura (istilah dalam bahasa Jepun). Sakura dianggap sebagai bunga musim bunga. Bergantung pada wilayah Jepun di mana adik-adik berada, acara boleh bermula seawal bulan April atau pertengahan Mei (seperti Hokkaido, di mana sakura mekar lewat sedikit).



Bagi meraikannya, orang ramai berkumpul di bawah pokok sakura dengan makanan, minuman dan musik untuk menjalinkan persahabatan dan bertemu rakan baharu. Pada waktu malam, pohon-pohon diterangi bagi meneruskan perayaan dalam suasana adat romantis yang disebut Yozakura.

### Sumber-sumber:

1. <https://www.westernunion.com/blog/spring-festivals-around-the-world/>
2. <https://en.blog.kkday.com/28096/6-awesome-spring-festivals-around-the-world>
3. [https://www.visitsingapore.com/en\\_my/festivals-events-singapore/cultural-festivals/chinese-new-year/](https://www.visitsingapore.com/en_my/festivals-events-singapore/cultural-festivals/chinese-new-year/)
4. <https://www.holland.com/global/tourism/travel-inspiration/traditional/tulip-season-in-holland.htm#:~:text=Tulip%20season%20in%20Holland,followed%20by%20daffodils%20and%20hyacinths.&text=See%20over%20seven%20million%20flower,towards%20the%20end%20of%20April.>
5. <https://www.kids-world-travel-guide.com/chinese-new-year.html>

## Eja dan padangkan lukisan



K\_MB\_NG  
K\_R\_-U\_A

N\_RS\_S\_S

S\_KU\_A

HY\_CI\_TH

K\_P\_-U\_U

B\_L\_N\_A\_

STR\_WB\_RI

LA\_TE\_A

T\_LI\_


Sumber: <https://www.craftymorning.com/colorful-egg-carton-butterfly-craft-kids/>

## Seni lukis & pertukangan musim bunga

### Langkah-langkah:


1

Mulakan dengan memotong bahagian karton telur yang mempunyai 4 cawan. Rapikan tepi agar ia lebih licin dan potong bucu agar ia masuk ke dalam.



2

Ambil satu pembersih straw dan balutnya di sekeliling bahagian bawah dan pintal di bahagian atas untuk menghasilkan sesungut kupu-kupu. Pilih 3-4 cat berwarna dan hasilkan cecincin di sekeliling setiap cawan karton telur.



Hasilkan kupu-kupu karton telur yang berwarna-warni.

\*Bimbang ibu bapa adalah digalakkkan.

### Bahan-bahan:

- 3 cat warna kegemaran adik-adik.
- Karton telur kitar semula
- Gunting
- Pembersih straw
- Berus cat

3

Ambil berus cat yang lain dan tarik ke bawah melalui setiap cecincin berwarna. Ini menghasilkan kesan ikat celup yang hebat! Biarkan ia mengering dan selesa!



# Apakah kupu-kupu?




Musim bunga selalu mengingatkan kita akan bunga-bungaan, serangga yang membantu pendebungan dan persekitaran segar dan nyaman. Dalam keluaran ini, mari kita bersedia untuk meneroka tentang kupu-kupu dan kepentingannya terhadap ekosistem kita.

Kupu-kupu ialah peringkat terbang dewasa bagi serangga tertentu yang tergolong dalam susunan atau kumpulan yang disebut Lepidoptera. Perkataan "Lepidoptera" bermaksud "sayap bersisik" dalam bahasa Yunani. Nama ini sangat sesuai dengan serangga dalam kumpulan ini kerana sayapnya ditutup dengan ribuan sisik kecil yang bertindih secara barisan.

Terdapat kira-kira 17,500 spesies kupu-kupu di dunia. Kupu-kupu (dan rama-rama) ialah satu-satunya kumpulan serangga yang mempunyai sisik yang menutup sayapnya, walaupun ada juga beberapa kupu-kupu yang mempunyai sisik yang kurang.

Terdapat kira-kira 2,000 spesies kupu-kupu di Asia Selatan dan sekitar 650 spesies di Asia Tenggara.

Seperti serangga lain, kupu-kupu mempunyai enam kaki dan tiga bahagian badan utama: kepala, toraks (bahagian dada atau tengah) dan abdomen (hujung ekor). Ia juga mempunyai dua antena dan eksorangka.



# Kitaran hidup kupu-kupu

Kitaran hidup terdiri daripada peringkat yang dilalui oleh organisme hidup sepanjang hayatnya dari awal hingga akhir. Kitaran hidup kupu-kupu mempunyai empat peringkat: telur, larva, pupa dan dewasa. Ini bermaksud bahawa kupu-kupu berubah daripada peringkat awal larva, apabila ia seekor beluncas, hingga kepada peringkat akhir, apabila ia menjadi kupu-kupu dewasa yang cantik.



- 1 Telur
- 2 Larva

Telur kupu-kupu kecil, bervariasi warnanya dan mungkin berbentuk bulat atau silinder. Kupu-kupu betina melekatkan telur pada daun atau batang tumbuhan yang lebih besar dalam proses yang disebut salin kulit. Ia mungkin melalui sebanyak empat sehingga lima proses sebelum menjadi pupa.

- 3 Pupa

Peringkat ketiga dikenali sebagai pupa. Beluncas melekatkan dirinya pada ranting, dinding atau beberapa sokongan lain dan eksorangka akan terbelah untuk menampakkan pupa. Pupa tergantung seperti karung kecil sehingga transformasi kepada kupu-kupu selesai. Pupa tidak makan sebaliknya mendapat tenaganya dari makanan yang dimakan pada peringkat larva.




- 4 Dewasa

Peringkat akhir kitaran hidup kupu-kupu ialah peringkat dewasa. Setelah sarung pupa terbelah, kupu-kupu muncul. Ia akhirnya akan mengawan dan bertelur untuk memulakan kitaran ini sekali lagi. Kebanyakan kupu-kupu dewasa akan hidup hanya selama satu atau dua minggu, sementara ada beberapa spesies yang boleh hidup selama 18 bulan.



## Cari perbezaan

Bolehkah adik-adik mencari  
20 perbezaan  
di dalam lukisan ini?



Hantarkan jawapan adik-adik berserta nama, nombor pasport Smålish,  
umur, alamat serta butiran hubungan adik-adik ke [sara@smales.com.my](mailto:sara@smales.com.my)  
atau **smales, No.2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800  
Petaling Jaya, Selangor**, selewat-lewatnya pada **15 Mei 2021**. 30 pemenang  
bertuah setiap seorang akan memenangi satu **Set Krayon Lilin MÅLA**.



## Aktiviti kupu-kupu

### MAKAN

Beluncas sangat teliti tentang apa yang ia makan, itulah sebabnya mengapa kupu-kupu betina bertelur hanya pada tumbuhan tertentu. Ia secara semula jadi tahu tumbuhan apa yang akan berfungsi sebagai makanan yang sesuai untuk beluncas yang lapar yang menetas daripada telurnya. Ia tidak banyak bergerak dan menghabiskan seluruh hidupnya pada tumbuhan yang sama atau bahkan daun yang sama.

### BERJEMUR

Kupu-kupu berdarah sejuk bererti ia tidak dapat mengatur suhu tubuhnya sendiri. Akibatnya, suhu badannya berubah mengikut suhu persekitarannya. Jika terlalu sejuk, ia tidak dapat terbang dan mesti memanaskan ototnya terlebih dahulu agar boleh terus terbang. Kupu-kupu berjemur dengan mengembangkan sayapnya untuk menyerap panas matahari.

### TIDUR TAPA

Kupu-kupu juga tidak tahan dengan cuaca musim sejuk. Kupu-kupu boleh bertahan dalam cuaca sejuk dengan tidur tapa di lokasi yang dilindungi seperti kulit pokok yang mengelupas, tumbuhan malar, kayu balak atau pagar lama sebagai lokasi langkau sejuknya. Ia mungkin tidur tapa pada sebarang peringkat (telur, larva, pupa atau dewasa).

### PENYAMARAN

Kupu-kupu dan beluncas sering menjadi mangsa burung, labah-labah, cicak dan pelbagai haiwan lain. Salah satu cara untuk melindungi dirinya ialah melalui penyamaran. Contohnya, kebanyakan beluncas berwarna hijau, menjadikannya sukar dikesan kerana berpadu dengan daun perumah. Pewarnaan dan corak sayap kupu-kupu memungkinkannya berpadu dengan persekitarannya. Ada yang mungkin kelihatan seperti daun mati pada ranting apabila ia berehat dengan sayapnya tertutup.

Kupu-kupu ialah makhluk yang kompleks. Kehidupan sehariannya boleh dikategorikan melalui banyak aktiviti. Mari kita ketahui lebih lanjut tentang apa yang dilakukan oleh kupu-kupu dalam kehidupan sehariannya.

## Fakta hebat tentang kupu-kupu

1

Sayap kupu-kupu lut sinar.

3

Sebenarnya warna dan corak terang sayap kupu-kupu dan rama-rama terdiri daripada sisik kecil.

4

Kupu-kupu memerlukan haba agar dapat bergerak. Apabila adik-adik melihat ia berehat di bawah sinar matahari, sebenarnya ia memanaskan sayap agar boleh terbang.

6

Kupu-kupu minum dari lopak lumpur. Sekumpulan kupu-kupu jantan biasanya dilihat terbang mengepak-ngepak sayapnya di sekeliling lopak untuk menghirup mineral yang terdapat di dalamnya sebagai makan malam. Perhimpunan ini juga dikenali sebagai "kelab lopak."

5

Kupu-kupu terbesar di dunia ialah kupu-kupu kepak burung betina Queen Alexandra, dengan ukuran hujung ke hujung sayap lebih daripada 25cm! (Memang cukup besar!)

7

Kupu-kupu betina melekatkan telurnya pada daun dengan gam melekit khas untuk membantu telurnya agar tetap terlekat pada sesuatu tempat.

8

Kupu-kupu yang paling pantas terbang ialah Skippers yang boleh terbang dengan kelajuan sehingga

30 batu per jam.

## Mengapa kupu-kupu penting?

### Nilai penting

- Kupu-kupu ialah sebahagian daripada kehidupan di bumi dan merupakan komponen penting yang kaya dengan kepelbagaiannya.
- Ia telah wujud sejak sekurang-kurangnya selama 50 juta tahun.
- Kupu-kupu ialah spesies teristik mewah bagi pemuliharaan secara umum, dan khususnya bagi invertebrat.

### Nilai seni

- Kupu-kupu dan rama-rama ialah sebahagian daripada warisan semula jadi kita dan telah dikaji selama lebih dari 300 tahun.
- Terdapat banyak rujukan tentang kupu-kupu dalam sastera, dan daripada puisi sehingga kepada lirik muzik.
- Kupu-kupu sering digambarkan sebagai intisari alam semula jadi atau mewakili kebebasan, keindahan atau kedamaian.

### Nilai pendidikan

- Kupu-kupu dan rama-rama mempunyai kitaran hidup yang menakjubkan yang digunakan di banyak negara untuk mendidik kanak-kanak tentang alam semula jadi. Transformasi daripada telur kepada beluncas sehingga menjadi pupa ialah salah satu keajaiban alam semula jadi.
- Aspek pendidikan lain merangkumi corak sayap dan pendarrona yang rumit, dan sebagai contoh aktiviti serangga.

### Nilai ekonomi

- Ribuan orang mengembara ke seluruh dunia pada setiap tahun untuk melihat kupu-kupu. Daripada lawatan ke ladang dan taman kupu-kupu, ekolawatan membawa pendapatan berharga kepada kebanyakan negara di seluruh dunia yang menyumbang terhadap nilai ekonomi.

Terdapat banyak sebab mengapa kupu-kupu penting. Mari kita teroka lebih banyak lagi.

## Ancaman terhadap kupu-kupu

Pemacu utama terhadap kepupusan kupu-kupu ialah kehilangan habitatnya. Tanah diterokai manusia bagi tujuan pertanian, pembalakan, perlombongan, jalan raya, dan pembangunan bandar. Akibatnya, tumbuhan makanan untuk beluncas dan kupu-kupu dewasa dibuang. Keadaan yang menyokong perubahan ekosistem menjadikan tanah tidak sesuai untuk kupu-kupu. Perubahan iklim, penggunaan racun perosak yang meluas, dan spesies invasif juga mengancam banyak spesies kupu-kupu.

## Bagaimana kita dapat menolong kupu-kupu?

1

### Jangan Gunakan Racun Makhluk Perosak di Taman Adik-adik Sendiri

Kerana kebanyakan racun perosak mengandungi bahan kimia dan ia berbahaya kepada alam sekitar. Cuba gunakan alternatif seperti halangan dan perangkap atau polikultur.



3

### Baca tentang kupu-kupu dan ketahui lebih lanjut tentang kehidupan mereka

Memperoleh pengetahuan tentang sesuatu selalunya menjadi satu kelebihan dan menolong kita berkembang untuk menjadi orang yang lebih baik yang menghargai alam semula jadi serta lebih bertanggungjawab.

18

Sumber: <https://www.onegreenplanet.org/environment/ways-you-can-help-save-the-monarch-butterfly/>

Terdapat banyak cara yang boleh kita sumbangkan untuk membantu menyelamatkan alam sekitar dan kupu-kupu.

2

### Menanam tanaman berbunga di rumah

Dengan menanam tanaman berbunga di luar rumah, ia akan menarik kupu-kupu dan membantu semua keperluan dalam semua peringkat kehidupan kupu-kupu. Itu termasuk tempat bertelur, tumbuhan makanan untuk larva (beluncas), tempat untuk membentuk sumber pupa dan nektar untuk kupu-kupu dewasa.

### Memulakan projek tumbuhan adik-adik sendiri

#### Apa yang adik-adik perlukan:

- Tanah
- Sedikit kompos (Dapatkan bimbingan ibu bapa)
- Pasu tumbuhan
- Biji/anak benih bunga serunai pagi atau bunga matahari



#### Langkah-langkah:

1. Masukkan tanah ke dalam pasu dan kemudian masukkan pula biji/anak benih.
2. Siram sehingga tanah basah sedikit
3. Letakkannya di tempat yang ada sedikit cahaya matahari (tidak terlalu sedikit atau terlalu banyak!)
4. Siram pada setiap hari
5. Lihat ia membesar!

## Catat bagaimana tanaman adik-adik tumbuh!

Minggu \_

Minggu \_

Minggu \_

Minggu \_

Pantau tumbuhan adik-adik dan lukiskan gambar daripada pelbagai peringkat pertumbuhan setiap minggu.

19

# PETIMASUK @SMALES

## Tema keluaran lepas:

Sara dan Bugbug sedang bersantai di taman yang indah di tepi tasik, pada pendapat adik-adik apakah yang mereka lihat?

## Lukisan terbaik



Bryan Wong Kai Jie, 12 tahun

## Lukisan terbaik



Lee Le Yan, 10 tahun

## Surat terbaik

Hari ini hari indah dengan cahaya matahari bersinar menembusi tingkap dan bunga-bunga berwarna-warni berkembang merkar di halaman depan. Sara dan Bugbug sedang menikmati masa minum teh mereka dan menghayati suasana alam yang indah dan burung yang berterbang. Pelahan-lahan awan mulai mendung tiba-tiba hujan turun dengan lebat. Mereka menung sambil membaca buku cerita dan selepas beberapa minit meraka tertidur. Tiba-tiba Sara tersdar, dia lihat keluar lingkap lalu dia berkata (Bugbug lihat hujan dah berhenti mari kita pergi ke taman) Kata Sara. Lalu sara dan Bugbug pergi mengambil basikal mereka dan terus pergi ke taman. Mereka main bersama kawan baiknya iaitu seekor arnab yang bernama Ali dan seekor serigala bernama Adi.

Ameer Haqimi, 11 tahun

## Surat terbaik

It's a beautiful day with sun ray shinning through the window and colourful flowers flourishing at the front yard. Sara and Bugbug were having their teatime and adoring the beautiful nature and flying birds. Slowly the cloud starts to turn gloomy and starts raining. Sara and Bugbug quickly keep their things and run into house. Suddenly, a little bird fly down and lay down on Sara and Bugbug's front door. Sara and Bugbug quickly come and see what was happening

Sara: What happen, little bird?

Bugbug: Ya, and why did you come here?

The little bird: It was a long story. First, I was relaxing on my nest.

Bugbug: Then, what happen next?

The little bird: I fly to find something to eat. I found a worm and it ran away. Then the cloud starts to turn gloomy and it rained. I wanted to fly find my nest but couldn't due to my wings are wet. So, I must lay down on your front yard to take a rest.

Sara and Bugbug: Oh, poor little bird.

Sara: You can come into my house for teatime and take a rest.

The little bird: Thanks. I am glad to join you for tea.

Bugbug: What is your name, little bird?

The little bird: My name is Lucy.

Sara: you can stay in our house until your wings are dry. An hour later, the rain has stopped. Lucy's wings are also dried.

Lucy: Thanks Sara and Bugbug. Now my wings are dry, and I can fly again. I am going to find my nest now. Bye. Sara and Bugbug: Bye, be careful.

Charmaine Teh Sher Mean, 10 tahun

## Tema keluaran lepas:

Ini hari yang indah dengan sinar matahari bersinar melalui tingkap dan bunga-bunga berwarna-warni berkembang di halaman depan. Sara dan Bugbug sedang menikmati waktu minum teh sambil menghayati alam yang indah dan burung yang berterbang. Perlahan-lahan awan mula suram dan....

Selain berenang dan menikmati percutian musim panas. Sara dan Bugbug bosan kerana mereka ingin membaca sesuatu yang menarik. Tulis surat kepada Sara dan Bugbug tentang perkara yang paling adik-adik suka tentang Malaysia dan tempat kegemaran adik-adik untuk dikunjungi.


Sertakan nama, umur, nombor pasport Smålish dan alamat adik-adik, dan hantarkan surat adik-adik ke [sara@smales.com.my](mailto:sara@smales.com.my) atau **smales**, No 2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor, selewat-lewatnya pada 15 Mei 2021. 2 pemenang bertuah masing-masing akan memenangi **Kotak UPPRYMD**.

Sertakan nama, umur, nombor pasport Smålish dan alamat adik-adik, dan hantarkan surat adik-adik ke [sara@smales.com.my](mailto:sara@smales.com.my) atau **smales**,

No 2, Jalan PJU 7/2, Mutiara Damansara, 47800 Petaling Jaya, Selangor, selewat-lewatnya pada 15 Mei 2021. 2 pemenang bertuah masing-masing akan memenangi **VESSLA Storage**.



Bantu Sara kira setiap lukisan



## Conteng-conteng

Penuhi muka surat ini dengan lukisan pelbagai jenis kupu-kupu berterbangan.

